

**Najib Selesaikan Penantian 12 Tahun Pembeli Rumah Alam Perdana
Bernama
28 April, 2013**

KUALA SELANGOR, 28 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyerahkan kunci rumah kepada para pembeli rumah pangsa kos rendah Bandar Alam Perdana di Ijok, dan sekaligus menyelesaikan masalah penantian 12 tahun mereka untuk akhirnya memiliki rumah sendiri.

Simbolik penyerahan replika kunci rumah kepada 10 wakil pembeli itu pada satu upacara hari ini memberi erti yang amat besar kepada mereka kerana projek yang terbengkalai itu telah diselamatkan oleh Barisan Nasional (BN) melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Projek perumahan kos rendah di Alam Perdana yang terbengkalai itu terdiri daripada 2,500 unit rumah, yang berkeluasan lantai, 650 kaki persegi di atas tapak seluas 20 hektar di sini.

Projek yang terbengkalai sejak tahun 2002 itu, akhirnya mendapat sijil layak menduduki pada 27 Dis lepas setelah disiapkan oleh kontraktor yang dilantik SPNB, Medallion Builders Sdn Bhd.

Najib semasa berucap di majlis penyerahan kunci itu berkata projek itu diselamatkan oleh BN menerusi SPNB dengan peruntukan Kementerian Kewangan berjumlah RM200 juta.

Sungguhpun projek ini diambilalih oleh SPNB, ia lewat setahun untuk disiapkan kerana Kerajaan Negeri Selangor di bawah pakatan pembangkang tidak memberikan kerjasama kepada SPNB.

Najib berkata sejumlah 2,500 keluarga kecewa dan hampa kerana terpaksa menunggu lebih lama gara-gara kerajaan pakatan pembangkang tidak mahu beri kelulusan "arahan pembangunan" untuk sistem pembentungan projek itu.

Beliau berkata Kerajaan Negeri Selangor yang diterajui Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Ijok tidakpun mengeluarkan peruntukan bagi memulihkan projek itu tetapi sebaliknya menjadi penghalang dan menyusahkan rakyat pula.

Mereka "busuk hati" apabila mendengar BN hendak memulihkan projek yang menjadi harapan pembeli itu dan melakukan pelbagai halangan, katanya.

"Sebab itulah kita nak buang batu penghalang, campak mereka yang menjadi penghalang ini," katanya.

Najib berkata cara terbaik untuk membuang batu penghalang itu ialah adalah dengan mengembalikan kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor kepada BN Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei ini.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan negeri Selangor bukan sahaja menjadi penghalang kepada harapan para pembeli rumah di Alam Perdana itu, ia juga memungkir janji-janya untuk memberi air percuma secara menyeluruh, untuk menurunkan cukai pintu sebanyak 20 peratus dan untuk memberi elaun kepada ibu tunggal.

Oleh itu rakyat Selangor, terutamanya para pembeli rumah di Alam Perdana, harus sentiasa

ingat jasa pihak yang bersusah payah menjadikan harapan mereka itu sebagai satu kenyataan dan menterjemahkannya dalam bentuk undi pada 5 Mei ini.

"Tak cukup tunjuk banner I love PM, mesti I love BN. Cinta mesti turun ke hati, turun ke tangan dan ke atas kertas undi. Pangkah BN," kata Najib.

Pada majlis itu Perdana Menteri juga memperkenalkan calon BN bagi kerusi Parlimen Kuala Selangor Datuk Irmohizam Ibrahim, calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jeram Datuk Amiruddin Setro dan calon BN bagi kerusi DUN Bukit Melawati Jakiran Jacomah.

"Kita birukan Selangor ini," katanya.

Sebelum itu, Najib diberi sambutan hangat oleh para pembeli rumah berkenaan hari ini yang tidak sabar-sabar menunggu ketibaannya dari majlis perasmian bangunan tambahan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bestari Jaya.

Seorang pembeli rumah yang ditemui, Jefri Omar, 39, berkata beliau bersyukur dengan kejayaan SPNB memulihkan projek itu yang terbengkalai terlalu lama.

Pekerja syarikat swasta itu telah membeli rumah itu pada tahun 2001 dan berasa amat kecewa bila rumah berharga RM35,000 itu, yang dijanjikan siap pada tahun 2003 tidak menjadi kenyataan.

Projek yang terbengkalai itu menjadi beban kepada beliau yang terpaksa membayar ansuran bulanan pinjaman kepada bank kira-kira RM300 dan terpaksa membayar sewa rumah lain pula.

"Pada masa tu gaji kecil, nak beli rumah lain tak mampu. Saya menyewa sebuah rumah di Johan Setia, selama 11 tahun dengan sewa RM450 sebulan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945797>